

Headline	AIDS' One Stop Centre		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	10	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	843 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Hatina Shuib	AdValue	RM 28,948
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,844



Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@bh.com.my

Ujian saringan HIV, satu penyelesaian dan jawapan muktamad untuk mengetahui status diri, sama ada menghidapi penyakit itu atau tidak. Jika dijangkiti, individu itu perlu teruskan rawatan dan jika sebaliknya, diri bebas jangkitan.

Nampak begitu mudah bagi mereka yang tahu dan ia sebenarnya sekadar ujian pengesanan awal. Bagi penagih dadah, bekas pekerja seks mahupun mereka yang terbahit dalam seks songsang, ujian ini mungkin sesuatu yang sukar dilakukan.

Disahkan HIV positif, umpama dunia sudah berakhir. Tentu ter-tanya-tanya, bagaimana dengan alam pekerjaan jika ada yang mengetahui status diri. Memikirkan keluarga dan mungkin pasangan jika sudah berkahwin, pasti fikiran berclaru dan takut berhadapan dengan insan tersayang.

Apa sekalipun kegundahan hati, sedarkah anda, menyembunyikan status kesihatan ini umpama mementingkan diri sendiri. Ini kerana jika berada dalam kategori yang berpotensi menghidap HIV, tanpa pengesanan awal, individu terbahit boleh menyebarkan penyakit ini kepada keluarga atau rakan.

#### Umpama tanggungjawab

Oleh yang demikian, ujian saringan ini patut dilakukan setiap



## Pusat sehenti maklumat AIDS

[www.TemanTeman.org](http://www.TemanTeman.org) dedah kepentingan ujian HIV, jangkitan dan jenis rawatan

individu secara sukarela. Lebih baik hadir membuat pemeriksaan tanpa paksaan atau pergi apabila diwajibkan. Ia adalah tanggungjawab semua insan.

Apatah lagi, kes jangkitan dan kematian akibat HIV/AIDS semakin membimbangkan. Statistik di negara ini menunjukkan, 3500 jangkitan berlaku di negara ini dan walaupun kes agak menurun akhir-akhir ini, jumlahnya masih membimbangkan menerusi kegiatan seks songsang.

Dijangkakan, angka penghidap penyakit ini akan meningkat kepada 91,733 menjelang tahun 2015.

#### Pusat sehenti

Prihatin dan peka kepada penyebaran penyakit ini yang semakin hebat berlaku di negara dan dunia, pusat sumber sehenti, [www.TemanTeman.org](http://www.TemanTeman.org), dilancarkan bagi membekalkan maklumat dan memberi amaran kerancakan penyebaran HIV mahupun AIDS di negara ini.

Bermula di Indonesia, menerusi beberapa acara seperti fesyen fotografi berkenaan AIDS, ia adalah kempen kesedaran yang dijalankan dalam talian secara interaktif.

Ia juga medan media sosial dan rangkaian untuk mempromosi serta menye-

barkan maklumat mengenai rawatan, penjagaan dan sokongan atas risiko yang bakal diterima.

Lebih menarik, ia mempunyai data maklumat lengkap yang menolak mitos berkenaan HIV dan AIDS yang menjadi kepercayaan ramai rakyat negara ini.

Projek komuniti ini dilahirkan Purple Haze

Asia yang bernaung di bawah Thai Red Cross AIDS Reserach Centre (TRCARC) dan dibiayai oleh ViiV Healthcare dan The American Foundation for AIDS Research (amFAR).



Objektif kita adalah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengesanan awal, rutin dan sukarelawan HIV untuk kesihatan"

Tarandeep Anand,  
Pengaroh Projek  
[www.TemanTeman.org](http://www.TemanTeman.org)

Ia disokong oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC), Bahagian Penyakit Berjangkit dan CERIA.

#### Pameran fotografi

Pengaroh Projek TemanTeman.org, Tarandeep Anand, berkata pusat yang sudah dilancarkan di Indonesia pada Januari tahun lalu, adalah sumber komprehensif maklumat untuk penyakit berjangkit.

"TemanTeman.org menawarkan maklumat mengenai ujian HIV, jangkitan dan jenis rawatan ditawarkan di negara ini. Objektif kita adalah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengesanan awal, rutin dan sukarelawan HIV untuk kesihatan," katanya.

Sehubungan itu, kempen ini merancang menganjurkan pameran fotografi kesedaran HIV/AIDS di pusat beli-belah yang menampilkan selebriti, Diana Danielle dan Carmen Soo.

"Ia termasuk program pengesanan HIV dan tarikh sebetulnya akan diumumkan secepat mungkin," katanya.

Carmen Soo (kiri) dan Diana Danielle turut membuat ujian saringan HIV bagi menyokong [www.TemanTeman.org](http://www.TemanTeman.org).  
[FOTO AZIAH AZMEE/ BH]